



KERAJAAN MALAYSIA

Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1993

**GARIS PANDUAN MENGENAI PENGLIBATAN AGENSI DAN PEGAWAI
AWAM DALAM PERSIDANGAN/SEMINAR/FORUM/BENGKEL
LATIHAN ANJURAN SEKTOR SWASTA**

Jabatan Perdana Menteri
Malaysia
5 Februari 1993

Dikelilingkan Kepada:

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian
Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan
Ketua-ketua Badan-badan Berkanun Persekutuan
Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan



JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA
JALAN DATO' ONN
50502 KUALA LUMPUR

Telefon: 2321957
Kawat: PERDANA
Fax: 2984172

Rujukan Kami: PM(S)10034 Jld. 6/(16)
Tarikh: 5 Februari, 1993

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,
Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,
Ketua-ketua Badan-badan Berkanun Persekutuan,
Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan.

Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1993

GARIS PANDUAN MENGENAI PENGLIBATAN AGENSI DAN PEGAWAI AWAM DALAM PERSIDANGAN/SEMINAR/FORUM/BENGGKEL LATIHAN ANJURAN SEKTOR SWASTA

1. Tujuan

Surat Pekeliling ini mengandungi garis panduan mengenai penglibatan agensi dan pegawai awam dalam persidangan, seminar, forum atau bengkel latihan anjuran sektor swasta. Dengan adanya garis panduan ini, adalah diharapkan bahawa:

- a. penglibatan agensi dan pegawai awam dalam acara-acara di atas akan memberi faedah kepada Agensi, Perkhidmatan dan Kerajaan;
- b. bayaran saguhati atau cenderamata yang diterima oleh pegawai awam daripada penganjur swasta adalah bepatutan; dan
- c. penglibatan yang lebih terkawal ini akan mewujudkan hubungan yang lebih teratur antara sektor awam dengan sektor swasta dalam semangat Pengsyarikatan Malaysia.

2. Garis Panduan

Bagi mengawasi penglibatan agensi dan pegawai awam dalam persidangan/seminar/forum/ bengkel latihan anjuran sektor swasta garis panduan berikut hendaklah dipatuhi:

- a. Agensi dan pegawai awam adalah dibenarkan terlibat dalam persidangan/seminar/forum/ bengkel bengkel latihan yang dianjurkan oleh badan-badan swasta seperti yang dinyatakan d perenggan 3.12 Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 9 Tahun 1991 bertajuk "Panduan Mengenai Pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia" yang menyatakan:

"Pegawai-pegawai Kerajaan boleh mengambil 'bahagian dalam seminar-seminar dan lain-lain forum yang dianjurkan oleh dewan-dewan perdagangan dan perindustrian, majlis peniagaan, pertubuhan iktisas dan sebagainya tajuk-tajuk atau perkara-perkara perbincangan majlis itu adalah berhubung kait dengan fungsi Kementerian/Jabatan/Pejabat masing-masing..."

- b. Sekiranya persidangan/seminar/forum/bengkel latihan dianjurkan oleh sesebuah syarikat swasta, agensi dan pegawai awam boleh mengambil bahagian dengan tertakluk kepada asas-asas pertimbangan bahawa:

- i. tema persidangan/seminar/forum/bengkel latihan adalah menyentuh bidang-bidang yang diberi keutamaan dalam dasar agensi yang berkenaan;

- ii. persidangan/seminar/forum/bengkel latihan dapat membantu agensi awam menyampaikan penjelasan tentang dasar, peraturan dan prosedur Kerajaan kepada pihak-pihak yang berkenaan; dan

- iii. agensi atau pegawai awam akan mendapat faedah dari segi pengetahuan dan pengalaman baru melalui penglibatan mereka dalam tema persidangan /seminar/ forum/bengkel latihan yang berkenaan.

- c. Dalam kes di mana badan-badan swasta atau sesebuah syarikat persendirian menjemput agensi awam menjadi penganjur bersama persidangan/seminar/forum/bengkel latihan, maka keistimewaan diskaun atau pengecualian yuran penyertaan boleh diterima oleh pegawai-pegawai Kerajaan.

- d. Pegawai-pegawai awam yang dijemput untuk memberi ceramah, membentangkan kertas kerja, menjadi ahli panel atau seumpamanya di persidangan/seminar/forum/bengkel latihan sama ada diperenggan-perenggan kecil a. atau b. di atas, boleh menerima jemputan tersebut setelah mendapat kelulusan Ketua Jabatan masing-masing. Mereka juga boleh menerima bayaran saguhati atau cenderamata bagi penglibatan mereka itu. Jumlah had bayaran bulanan yang boleh diterima oleh seorang pegawai awam tidak boleh melebihi $\frac{1}{4}$ dari gaji bulanannya. Kuasa bagi menetapkan kadar bayaran saguhati yang disediakan daripada sumber kewangan daripada pihak swasta adalah diberi kepada Ketua Jabatan masing-masing. Laporan hendaklah dibuat kepada ketua Jabatan tentang bayaran yang diterima.

3. Tarikh Penggunaan

Surat Pekeliling Am ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.



Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji Bin Abdul Hamid
Ketua Setiausaha Negara